

projek di bawah Dana TechnoFund, entiti telah mendapat pembiayaan sebanyak RM3.733 juta daripada *Commercialisation of Research & Development Fund* (CRDF) di bawah Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) untuk pengkomersilan polimer larut air. Walau bagaimanapun, projek Syarikat Global Network Technology Sdn. Bhd. di bawah MTDC ini gagal disempurnakan. MTDC telah mengemukakan Notis Penamatan dana pada 10 Mac 2011 dan Surat Tuntutan Balik Pembayaran Dana pada 24 Mac 2011. Syarikat telah gagal untuk membayar balik dana tersebut dan tindakan perundangan telah diambil oleh MTDC.

Syarikat NSE Pomar Sdn. Bhd. telah mendapat pembiayaan sebanyak RM4.463 juta bagi projek "*Establishment of Multipurpose Supercritical Extraction Unit with Palm Kernel SC-CO<sub>2</sub> Extraction as the Production Palm*" menerusi Dana TechnoFund dalam RMKe-9. Syarikat telah gagal menyempurnakan projek ini dan projek telah ditamatkan pada 17 November 2012. Sehubungan itu, berdasarkan penamatan projek tersebut, syarikat telah di senarai hitam selama 2 tahun daripada mendapat sebarang pembiayaan dana di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd. yang merupakan syarikat induk tidak pernah mendapat sebarang pembiayaan dana daripada Kementerian ini. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan dana yang diperolehi dari MOSTI dan agensi di bawahnya iaitu MTDC bagi anak-anak syarikat berkenaan berjumlah RM14.19 juta.

Sekian, terima kasih.